

Headline	Perak Tool		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	11	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	655 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,064
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,193



Perak Tool

Panduan dan penilaian biodiversiti hutan

Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD**

ashriq.ahmad@utusan.com.my

HUTAN hujan tropika seperti mana yang kita ketahui merupakan antara hutan yang padat dengan kepelbagaian biodiversiti.

Kewujudan flora dan fauna di dalam hutan jenis ini mewakili hampir 80 peratus jumlah biodiversiti dunia yang mana meliputi kayu balak keras yang amat berharga.

Apabila sumber hutan seperti kayu balak bernilai tinggi semakin dicari, kemusnahan hutan hujan ini tidak lagi dapat dielakkan.

Saban tahun, isu berkenaan penebangan kayu balak ini terus-menerus mendapat perhatian pelbagai pihak sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Bagaimana pun, pakar ekonomi dan juga pakar ekologi menyedari bahawa kedua-dua sektor tersebut perlu bekerjasama dalam membangunkan negara di samping tidak merosakkan alam sekitar.

Terutamanya bagi hutan yang telah berusia lebih daripada 150 juta tahun yang mana memiliki pelbagai organisma yang masih belum dikenal pasti.

Hutan hujan tropika bukan sahaja merupakan rumah bagi pokok balak malah turut mengandungi sumber-sumber semulajadi yang lebih berharga seperti sungai yang mengalirkan air bersih.

Malah ia turut dihuni oleh ribuan tumbuhan herba yang sudah dan belum dikenal pasti dan ia masih belum ditambah lagi bersama produk hutan bukan balak (*non-timber*) yang bernilai tinggi seperti rotan dan buluh.

Menurut Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), **Datuk Seri Douglas Uggah Embas**, hutan hujan di Malaysia kini telah mengalami tekanan akibat penerokaan hutan untuk meningkatkan sosio ekonomi.

“Namun pihak kerajaan menyedari permasalahan ini dan kini komited dengan usaha pengurusan dan konservasi biodiversiti.

“Malah, Polisi Kebangsaan untuk Kepelbagaian Biologiikal 1998 telah meletakkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam usaha konservasi, kajian, serta penggunaan kepelbagaian biologiikal tropika menjelang tahun 2020,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis pembukaan seminar dan pelancaran *Perak Tool* sempena Seminar Memperbaiki Kaedah dan Alatan untuk Mengintegrasikan Konservasi Biodiversiti dalam Perancangan Hutan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Menyedari hakikat tersebut, Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM) bersama Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), Dana Alam Sekitar Global (GEF) dan Majlis Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO) menubuhkan Projek Konservasi Biodiversiti (CBioD) pada tahun 2007.

CBioD ditubuhkan untuk menghasilkan satu kaedah penyelesaian konservasi biodiversiti dan disokong oleh kerajaan serta GEF menerusi UNDP Malaysia dan ITTO yang berjalan selama

lima tahun tersebut dilaksanakan oleh NRE melalui agensinya iaitu FRIM dan *Perak Tool* merupakan antara produk pertama yang telah dihasilkan.

Jelas anggota projek atau pengkaji FRIM, **Dr. Rahman Kassim**, Kit Kaedah Pengurusan Landskap merupakan satu kaedah yang boleh diguna pakai oleh pembuat dasar atau pengurus hutan untuk mendapatkan pandangan secara menyeluruh berkenaan kompartmen hutan, hutan simpan dan tanah kerajaan negeri.

Kaedah tersebut membolehkan penggunaannya memilih objektif yang lebih

tepat untuk diutamakan seperti konservasi biodiversiti, air atau balak namun tetap dapat memberikan pulangan yang baik kepada negara.

“Contohnya, jika balak dipilih sebagai objektif maka konservasi biodiversiti akan menjadi penghalang, justeru kaedah tersebut mampu memberikan penyelesaian melalui penilaian yang terbaik.

“Setelah penilaian dilakukan, pengurus hutan mahu pun pembuat dasar dapat menentukan kawasan tertentu untuk tujuan konservasi dalam masa yang sama dapat mencapai objektif iaitu mendapatkan hasil melalui pembalakan,” katanya.

Seterusnya Penilaian Kepada Perkhidmatan Ekosistem (PES), yang mana merupakan model tanda aras untuk menilai perkhidmatan kawasan tadahan air, kawasan rekreasi, biodiversiti dan produk hutan bukan berasaskan kayu.

Jelas pengkaji FRIM, **Dr. Ismariah Ahmad**, kit tersebut merupakan tapak asas untuk penilaian ekonomi bagi perkhidmatan dan produk ekosistem.

“Penilaian tersebut dapat membantu pembuat dasar untuk mengira kos yang lebih tinggi antara memelihara hutan bagi mendapatkan air bersih atau membersihkan sungai yang telah tercemar dan kejadian bencana alam seperti banjir akibat penebangan hutan secara berleluasa.

“Ia juga dapat memberikan gambaran secara jelas manakah keputusan yang lebih baik dari segi ekonomi antara memelihara hutan atau menebangnya,” ujarnya.

Salah satu kriteria dalam Pensijilan Hutan adalah ukuran atau nilai terhadap biodiversiti yang perlu di pelihara didalam satu-satu blok penebangan hutan.

Namun, sehingga kini tiada satu pun set yang dikhaskan bagi tujuan tersebut dicipta untuk membantu pengurus hutan untuk menilai amalan perhutanan ke atas biodiversiti.

Menurut penyelidik FRIM, **Dr. Christine Fletcher**, Kit Kaedah Penilaian Biodiversiti Pantas (RBA) memainkan peranannya dengan mewujudkan kesedaran untuk menilai impak penebangan hutan kepada biodiversiti yang terdapat di dalam satu-satu kawasan tersebut.

Headline	Perak Tool		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	11	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	655 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,064
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,193

Jelasnya, melalui kaedah yang terdapat dalam RBA seperti cara-cara mudah untuk memerangkap serangga dan hidupan yang kecil untuk dijadikan penentu ukur (*indicator*).

“Kehadiran sesetengah serangga mampu menentukan suasana ekologi sesebuah hutan tersebut.

“Sebagai contoh kehadiran spesies kumbang najis (*dung beetle*) menandakan kawasan tersebut terdapatnya mamalia yang besar seperti gajah,” katanya.

Jelas di sini, melalui kaedah kajian yang betul dan tepat bukan sahaja mampu mengurangkan kos malah dapat memberi maklumat yang lebih tepat.

Info Perak Tool

Perak Tool merupakan satu-satunya kaedah yang dapat mengintegrasikan perancangan hutan, konservasi biodiversiti, dan ekonomi.

(Idea asal kaedah atau lebih dikenali sebagai Set Panduan Penilaian Segera BioD dicetuskan oleh Profesor Dr. Peter Ashton dari Universiti Havard, Amerika Syarikat dan seorang pengkaji FRIM, Dr. Appanah.

Nama *Perak Tool* diambil sempena kawasan kajian tersebut dijalankan iaitu di Hutan Simpan Temenggor, Perak.

Terdapat empat kaedah atau panduan khas utama yang dihasilkan iaitu Kit Kaedah Pengurusan Landskap, Kit Kaedah Pembayaran Perkhidmatan Ekosistem (PES), Kit Kaedah Penilaian Biodiversiti Pantas (RBA) dan Kit Kaedah Alternatif Pemilihan Penuaian Pokok Berkomputer.

Keempat-empat kit kaedah tersebut boleh digunakan bersama mahupun secara berasingan.

“Kaedah tersebut membolehkan penggunaannya untuk memilih objektif yang lebih tepat untuk diutamakan seperti konservasi biodiversiti, air atau balak namun

tetap dapat memberikan pulangan yang baik kepada negara



DR. RAHMAN
KASSIM



DR. CHRISTINE
FLETCHER

Headline	Perak Tool		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	11	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	655 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,064
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,193



SALAH seorang pegawai penyelidik FRIM menunjukkan panduan penyelidikan *Perak Tool* dalam bentuk buku rujukan dan juga cakera padat.